

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,
MAHKAMAH AGUNG,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50050 KUALA LUMPUR.

Bil: (48)dlm.JK/MA 16
Tarikh: 31 Mac, 1988.

Kepada:

Semua Majistret Kelas I

Semua Majistret Kelas II

Pekeliling Pendaftar (A) No.6 Tahun 1988

Penyata-Penyata Kes Mahkamah

Adalah saya merujuk kepada Pekeliling Pendaftar (A) No.3 Tahun 1988 bertarikh 3hb. Februari, 1988 dan Pindaan kepada Pekeliling tersebut bertarikh 22hb. Februari, 1988 dan memaklumkan bahawa borang-borang yang telah dihantar bersama dengan Pekeliling tersebut telah didapati beberapa kesilapan.

2. Bersama-sama ini disertakan borang-borang baru yang patut digunakan untuk melapurkan kes-kes berkenaan.

3. JENIS-JENIS BORANG

(a) Mahkamah Majistret Kelas I

Borang MM-1 - Penyata Bulanan kes-kes sivil.

MM-2 - Jumlah kes-kes sivil yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

MM-3 - Penyata Bulanan rayuan-rayuan sivil yang tertangguh.

MM-4 - Penyata Bulanan kes-kes jenayah.

MM-5 - Jumlah kes-kes jenayah yang belum selesai mengikut Tahun-Tahun Pendaftaran.

MM-6 - Penyata Bulanan rayuan-rayuan jenayah yang tertangguh.

(3)(i) Semua borang-borang bulanan hendaklah dihantarkan pada atau sebelum 7hb. bulan berikutnya.

(ii) Semua borang-borang tahunan hendaklah dihantarkan pada awal tiap-tiap tahun berikutnya.

5. Penyata Harian

Penyata harian hendaklah dihantarkan kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi tempatan masing-masing.

6. Penyata Bulanan Kes-Kes Jenayah (Court 139)

Penyata Bulanan hendaklah dihantarkan kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi tempatan masing-masing.

7. Penyata dibawah Sek. 117 (Kanun Acara Jenayah)

Penyata hendaklah dihantarkan kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi tempatan masing-masing.

8. Sila ambil perhatian bahawa kecuali Pekeliling Pendaftar (U) No.8 Tahun 1981 dan (U) No.2 Tahun 1985 mengenai Kelambatan Menulis Alasan-Alasan Hukuman, lain-lain penyata kes yang tidak disebutkan dalam Pekeliling ini tidaklah perlu lagi dan adalah dibatalkan.

9. Kesilapan di dalam perkara ini adalah dikesali.

tt. HAIDAR BIN MOHD.NOOR

Ketua Pendaftar.

s.k. Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuching.
Semua Hakim Mahkamah Sesyen, Malaya/Borneo.
Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya/Borneo.
Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu.
Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.